

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASAN

TARIKH: 29 OKTOBER 2014

SOALAN:

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan bagi meningkatkan bilangan pekerja cekap dan berkemahiran tinggi kepada 50 peratus menjelang 2020 berbanding kini hanya 25.5 peratus daripada 12,7 juta pekerja di negara ini.

PR-1323-L63856

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi menyokong usaha Kerajaan mewujudkan 50 peratus pekerja mahir menjelang tahun 2020, Kementerian Sumber Manusia, melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), berhasrat untuk meneruskan pelaksanaan Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (*Recognition of Prior Learning, (RPL)*), bagi membolehkan para pekerja industri yang berkemahiran, tetapi tidak mempunyai sebarang persijilan, mendapat pengiktirafan ke atas kemahiran yang mereka perolehi setelah bertahun-tahun berkhidmat di dalam industri.

2. Sejak tahun 2010 hingga 31 Ogos 2014, RPL telah berjaya memberi peluang kepada 4,952 pekerja dari 143 majikan untuk mendapat persijilan dengan jumlah bantuan kewangan sebanyak RM2.02 juta.

**Status Pelaksanaan Program Pengiktirafan Pencapaian
Terdahulu di bawah PSMB**

Tahun	Bilangan Pelatih	Bilangan Majikan	Bantuan Kewangan
2010	84	3	25,200.00
2011	28	4	8,400.00
2012	2,542	44	76,2300.00
2013	904	49	354,350.00
2014	1,394	43	868,350.00
Total	4,952	143	2,018,600.00

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) juga sedang dalam perancangan bagi meningkatkan jumlah pelatih di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Antara cadangan yang dibuat adalah menjalankan latihan secara '*double shift*' bagi mengoptimumkan kapasiti latihan ILJTM untuk program latihan jangka panjang sedia ada, bekerjasama dengan badan Persijilan Professional mengikut kursus-kursus yang sesuai dan menjalankan kursus-kursus jangka pendek. Pihak jabatan mensasarkan keluaran **319,183** tenaga kerja mahir bagi tempoh 5 tahun pelaksanaan (**2015-2019**) dengan peningkatan keluaran

sebanyak **57% (115,782)** berbanding anggaran keluaran sedia ada seramai **203,401**.